

# HAKIKAT PENCIPTAAN MANUSIA DAN ALAM SEJAGAT: AL-BAQARAH (2: 28-29)\*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia [qamar@utm.my](mailto:qamar@utm.my)

## Abstrak

*Allah SWT menggambarkan kekuasaan-Nya dalam menguasai kerajaannya yang terdiri daripada kerajaan dunia dan akhirat dan kerajaan jagat raya melalui gambaran penciptaan manusia dan penciptaan alam sewaktu semua makhluk belum diwujudkan. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mencari tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 28-29) daripada kitab tafsiran yang bersifat turath Islami. Hasil dapatan menunjukkan beberapa nasihat dan ingatan penting Allah SWT kepada golongan non Muslim dan Muslim. Bagi golongan non Muslim agar mereka berfikir secara lebih mendalam tentang penciptaan diri mereka yang akan hidup dalam beberapa alam yang penting sehingga dibalasi dengan neraka yang kekal abadi. Selain itu, Allah SWT juga menggambarkan kepada non Muslim tentang dirinya bersendirinya mewujudkan semua makhluk sama ada di kerajaan langit dan jagat raya atau kerajaan dunia dan kerajaan akhirat. Oleh itu penentangan dan kekufuran mereka tidak memberi bekas langsung kepada Allah SWT yang Maha Berkuasa. Bagi golongan Muslim, penciptaan diri mereka dan gambaran penciptaan alam mampu meningkatkan keimanan, ketundukan, ketaatan, dan peribadatan mereka untuk Allah SWT, Tuhan Sekian alam.*

**Kata Kunci:** Kekurufan manusia, penciptaan manusia, penciptaan alam

---

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 27hb. September 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ تُمَيِّتُكُمْ  
 ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا  
 فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ  
 سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Maksud: Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu; setelah itu Ia mematikan kamu, kemudian Ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepada-Nya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan). (28) Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (29)

(Surah *al-Baqarah*, 28-29)

## PENGENALAN

Setelah Allah SWT menjelaskan tujuan-Nya membuat misal perbandingan dengan sesuatu yang ada di sekeliling umat manusia serta menjelaskan mengapa sebahagian orang fasik tidak boleh mendapat pengajaran berbanding Mukmin (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018c, 2018b), Allah SWT sekali lagi berhujah dengan lebih detail, halus, dan mendalam selepas berhujah sebelum ini tentang kewujudan-Nya (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018c). Hujah tersebut adalah tentang hakikat penciptaan manusia

dan perjalanan mereka serta hakikat penciptaan alam ketika semua kewujudan belum lagi diwujudkan oleh Allah SWT (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018a).

Sebagai ingatan bahawa semua terjemahan ayat al-Quran adalah merupakan terjemahan daripada Syeikh Abdullah Basmeih (1999).

## TAFSIRAN AYAT

Dua pembahagian penting tafsiran ayat ialah tentang penciptaan manusia (Al-Baqarah, 2: 28) dan tentang penciptaan alam (Al-Baqarah, 2: 29)

### Al-Baqarah (2: 28)

Sekali lagi Allah SWT berhujah tentang dirinya yang merupakan Pencipta dan Penguasa dan Pencipta para hamba dan makhluk dengan firman-Nya:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ  
ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾

Maksud: *Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu; setelah itu Ia mematikan kamu, kemudian Ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepada-Nya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan). (28)*

Ayat ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/120) bermaksud, “Bagaimana kamu boleh berdegil tentang kewujudan Allah SWT” atau bermaksud “Kamu menyembah sesuatu bersama dengan Allah SWT”. Padahal kamu sebelum itu tidak pun wujud, kemudian Allah menghidupkan kamu. Hal ini sebagaimana firman-Nya yang lain:

أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمْ الْخَالِقُونَ ﴿٣٥﴾

Maksud: *(Mengapa mereka tidak beriman?) Adakah mereka tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri? (35)*

(Surah *al-Tur*, 52: 35)

Allah SWT juga berfirman dalam surah yang lain:

هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَّذْكُورًا ﴿١﴾

Maksud: *Bukankah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)? (1)*

(Surah *al-Insan*, 76: 1)

Sedangkan Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.) berkata bahawa maksud ayat “*padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu*” ialah dahulunya kamu mati dalam tulang sulbi bapa kamu dengan keadaan kamu bukanlah sesuatu apa pun sehinggalah Allah menghidupkan kamu kemudian dia akan mematikan kamu semula dengan sebenar-benar mati kemudian dia akan menghidupkan kamu semula dengan dibangkitkan pada hari kebangkitan pada hari kiamat. Hal ini sama dengan firman Allah SWT:

قَالُوا رَبَّنَا آمَنَّا أَثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا أَثْنَتَيْنِ فَأَعْتَرَفْنَا بِذُنُوبِنَا  
فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

Maksud: *Wahai Tuhan kami! Engkau menjadikan kami berkeadaan mati dua kali, dan menjadikan kami bersifat hidup dua kali, maka kami (sekarang) mengakui akan dosa kami. Oleh itu adakah sebarang jalan untuk (kami) keluar (dari neraka)?" (11)*

(Surah *Gafir*, 40: 11)

Ayat ini menurut Ibn ‘Abbas (t.th.: 6) bermaksud: Asalnya kamu daripada tanah sebelum diciptakan, ini adalah kematian pertama. Kemudian kamu dihidupkan dengan diciptakan penghidupan ini, ini adalah kehidupan pertama. Kemudian kamu dimatikan, lalu kamu dibawa ke kuburan, ini adalah kematian kedua. Kemudian kamu dibangkitkan pada Hari Kiamat, ini adalah kehidupan yang kedua. Hal ini yang dimaksudkan dua kematian dan dua kehidupan.

Ayat ini juga menjelaskan tentang penyelesaian orang kafir ketika di dalam neraka serta pengakuan mereka sendiri bahawa kesalahan kerana tidak mengenal hakikat Tuhan, hakikat kehidupan di dunia, dan hakikat tempat tuju mereka pada hari pembalasan di akhirat adalah kesalahan mereka sendiri kerana tidak menggunakan akal kebijaksanaan mereka dalam mencari kebenaran tersebut.

### **Al-Baqarah (2: 29)**

Setelah Allah SWT mengemukakan dalil pertama tentang dirinya yang menciptakan manusia, Allah SWT mengemukakan dalil kedua tentang dirinya yang menciptakan segala langit dan bumi ini. Firman-Nya:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ  
إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ ۚ

Maksud: *Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna.*

Proses kejadian alam secara lengkap ada dihuraikan oleh Allah SWT dalam beberapa ayat khususnya dalam surah Fussilat (41: 9-12). Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa Allah SWT memulakan penciptaan bumi kemudian barulah Allah SWT menciptakan tujuh petala langit. Hal ini sebagaimana seseorang yang ingin membina sebuah rumah, dia perlu membina asasnya dahulu barulah boleh menaikan tiang dan dinding serta atap rumah.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/214) memetik kata-kata Imam al-Suddi dalam kitab tafsirnya bahawa beberapa orang sahabat termasuk Ibn ‘Abbas dan Ibn Mas‘ud menafsirkan ayat ini al-Baqarah (2: 29) ini dengan berkata, “Pada mulanya Allah SWT meletakkan Arasy-Nya di atas air. Hal ini bermaksud air merupakan ciptaan pertama yang diciptakan oleh Allah SWT. Kemudian ketika hendak menjadikan makhluknya yang lain, air tersebut terpeluap naik ke atas sehingga menjadi wap yang berupa asap yang akhirnya dibina di atas wap tersebut sesuatu yang dipanggil langit. Kemudian air dikeringkan untuk membentuk bumi yang satu. Lalu bumi itu dibelah menjadi tujuh petala bumi yang dibina bumi itu dalam masa dua hari, iaitu pada hari Ahad dan Isnin. Kemudian Allah SWT meletakkan bumi di atas di atas ikan sebagaimana yang tersebut dalam ayat:

تَوَالِقَ الْفَلَاحِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

Maksud: *Nuun. Demi Pena dan apa yang mereka tulis.*

(Surah *al-Qalam*, 68: 1)

Sedangkan ikan itu berada dalam air. Air itu pula di atas berada di atas batu. Batu tersebut pula berada di belakang malaikat. Sedangkan Malaikat tersebut pula berada di atas batu yang besar. Manaka kedudukan batu besar itu pula dalam angin. Batu ini yang digambarkan oleh Allah SWT dalam surah Luqman:

يَبْنِيَّ إِنِّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي  
السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿١٦﴾

Maksud: (*Luqman menasihati anaknya dengan berkata*): “Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.” (16)

(Surah *Luqman*, 31: 16)

Batu tersebut bukan terletak di langit atau di bumi. Kemudian ikan itu bergerak yang menyebabkan bumi bergoncang. Lalu Allah SWT memasang tiang dengan menciptakan gunung-ganang yang terpasak dari dalam hingga ke atas bumi. Allah SWT menjelaskan:

وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا وَسُبُلًا  
لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥﴾

Maksud: *Dan Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu.*

(Surah *al-Nahl*, 16: 15)

Setelah bumi mengukuh, Allah SWT menciptakan pokok dan keperluan lain di bumi dalam masa dua hari, iaitu hari Selasa dan Rabu. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

قُلْ أَيْنَكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِالَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ  
لَهُ وَأُنْدَادًا ذَلِكَ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٩﴾ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ مِنْ  
فَوْقِهَا وَبَدْرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَا أَقْوَاتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ  
سَوَاءً لِّلسَّائِلِينَ ﴿١٠﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya tidak patut kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa, dan kamu adakan sekutu-sekutu bagiNya! Yang demikian (sifat-Nya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan sekalian alam, (9) Dan Ia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Ia melimpahkan berkat padanya, dan Ia menentukan ada pada-Nya bahan keperluan hidup penduduknya,*



*sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa. (10)*

(Surah *Fussilat*, 41: 9-10)

Setelah bumi sudah disiapkan, Allah menunjukkan kehendak-Nya ke arah (bahan) langit yang pada ketika itu langit itu masih berupa asap sebagaimana firman-Nya:

ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ

*Maksud: Kemudian Ia menunjukkan kehendak-Nya ke arah (bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap*

(Surah *Fussilat*, 41: 11)

Asap yang dimaksudkan ialah wap air yang terpeluap daripada air, lalu Allah SWT membentuk langit yang satu. Kemudian dipecahkan langit tersebut menjadi tujuh petala langit yang dibentuk dalam dua hari, iaitu pada hari Khamis dan Jumaat. Sebab itu hari tersebut dinamakan hari Jumaat (الجمعة) kerana pada hari tersebutlah terhimpun kejadian langit dan bumi.

Proses kejadian alam seterusnya terdapat dalam firman Allah SWT berfirman:

وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ  
وَحِفْظًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

Maksud: *Ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing.*

(Surah *Fussilat*, 41-12)

Setelah siap langit, Allah SWT menciptakan makhluk yang hidup di langit seperti Malaikat dan kejadian lain di bumi seperti lautan dan lain-lain. Setelah itu, Allah SWT menghiaskan bintang-bintang di langit dunia sehingga langit dunia terhias cantik dan terpelihara dengan penjaga yang menjaga daripada para syaitan.

Selain daripada ayat al-Quran, terdapat juga hadis yang menceritakan beberapa jenis penciptaan yang diciptakan oleh Allah SWT sama ada ketika masih dalam proses penciptaan alam atau diluar daripada tempoh penciptaan alam. Hadis ini menjelaskan (Muslim, t.th.: 2789):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِيَدِي فَقَالَ  
 خَلَقَ اللَّهُ ﷻ التُّرْبَةَ يَوْمَ السَّبْتِ وَخَلَقَ فِيهَا الْجِبَالَ يَوْمَ  
 الْأَحَدِ وَخَلَقَ الشَّجَرَ يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ وَخَلَقَ الْمَكْرُوهَ يَوْمَ  
 الثَّلَاثَاءِ وَخَلَقَ الثُّورَ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ وَبَثَّ فِيهَا الدَّوَابَّ يَوْمَ  
 الْحَمِيسِ وَخَلَقَ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ بَعْدَ الْعَصْرِ مِنْ يَوْمِ  
 الْجُمُعَةِ فِي آخِرِ الْخَلْقِ فِي آخِرِ سَاعَةٍ مِنْ سَاعَاتِ الْجُمُعَةِ فِيمَا  
 بَيْنَ الْعَصْرِ إِلَى اللَّيْلِ

Maksud: *Abu Hurairah dia berkata, “Rasulullah SAW memegang tangannya, lalu beliau bersabda, “Allah SWT menjadikan tanah pada hari Sabtu, menjadikan gunung-ganang pada hari Ahad, menumbuhkan pokok pada hari Isnin, menjadikan bahan mineral*

*pada hari Selasa, menjadikan cahaya pada hari Rabu, menebarkan binatang pada hari Kamis, dan menjadikan Adam AS pada hari Jumat setelah Asar. Penciptaannya merupakan penciptaan paling akhir iaitu ketika bahagian terakhir Jumaat antara waktu Asar hingga malam.”*

*(Muslim)*

Setelah selesai seperti yang dikehendaki Allah SWT pun bersemayam di Arasy sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ  
ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ

*Maksud: Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Ia bersemayam di atas Arasy.*

*(Surah al-A'raf, 7: 54)*

Ringkasnya, Allah SWT menciptakan bumi dan langit dengan masa enam hari bagi menunjukkan betapa, penciptaan bumi dan langit ini diciptakan dengan penuh berhati-hati dan tersusun. Ketika era penciptaan alam ini, manusia belumpun wujud untuk mengetahui hakikat sebenar semua ciptaan ini. Terbukti penciptaan alam ini pada hakikatnya mempunyai tujuan khusus bagi menempatkan manusia untuk mereka diam di sana dengan baik dan sempurna. Namun begitu, kejahilan sebahagian daripada manusia untuk berfikir dan mengkaji alam ini menyebabkan mereka kufur kepada Pencipta dan Pemilik alam ini.

## PENGAJARAN AYAT

Berdasarkan ayat yang dibincangkan, terdapat pengajaran ditujukan kepada golongan non Muslim dan Muslim. Pengajaran yang ditujukan kepada non Muslim dari segi:

- (1) Golongan non Muslim tidak wajar untuk berada dalam kekafiran terhadap Allah SWT kerana hakikatnya ialah Allah SWT yang menciptakan roh mereka dan menempatkan mereka daripada tidak ada apa-apa nilai ketika dalam sulbi ibu bapa mereka lalu mereka lahir ke dunia dengan menggunakan bermacam-macam pemberian daripada Allah SWT yang berupa sepasang mata, telinga, tangan dan kaki; hidung, mulut, lidah, tubuh badang, dan akal yang boleh berfikir, menghirup udara, minum air, makan makanan yang berupa tumbuhan, haiwan ternakan, ikan di laut dan sungat, dan pelbagai lagi nikmat yang diberikan Allah SWT tanpa batas.
- (2) Golongan non Muslim diingatkan oleh Allah SWT bahawa dunia ini merupakan salah satu tempat persinggahan sahaja dalam perjalanan yang panjang, iaitu asalnya mereka tidak wujud, lalu roh mereka diwujudkan dan berada di alam arwah. Kemudian mereka berpindah ke sulbi ibu bapa mereka dan dikandung oleh ibu mereka sebelum dilahirkan ke dunia ini. Setelah hidup dalam satu tempoh, mereka akan kembali kepada Allah SWT semula di alam arwah sementara menunggu untuk dibangkitkan semula pada hari kiamat. Pada hari kiamat segala keimanan dan amalan mereka akan diperkirakan untuk dibalasi oleh Allah SWT. Namun, jika mereka gagal untuk mengenal Allah SWT dan beriman serta beramal kepada-Nya ketika berada di dunia. Maka tempat mereka hanya di neraka.
- (3) Golongan non Muslim diingatkan bahawa kegagalan menggunakan akal untuk mencari, menilai, dan menyelidik tentang Pencipta

diri mereka yang sebenar merupakan kesilapan dan kesalahan mereka sendiri. Allah SWT tidak boleh lagi dipersalahkan jika mereka ditempatkan dalam siksaan sebaik sahaja mereka mati daripada alam dunia ini. Hal ini kerana mereka sudah diberikan akal yang sempurna serta ajaran al-Quran juga sudah diturunkan oleh Allah SWT melalui Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW, dan ajaran Islam tersebut juga sudah tersebar luas ke merata dunia untuk dibaca dan dikaji dengan menggunakan akal mereka yang sihat bagi mencari kebenaran. Jika mereka masih gagal mencari kebenaran tentang hakikat Pencipta mereka sendiri, maka kegagalan itu tertanggung kepada diri mereka sendiri.

- (4) Golongan non Muslim digambarkan oleh Allah SWT tentang diri-Nya yang benar-benar Maha Perkasa kerana Dia bersendirian mencipta semua alam ini dengan tersusun selama enam hari mengikut kiraan dalam kerajaan-Nya. Proses penciptaan Alam yang sangat halus dan tersusun ini menggambarkan Allah SWT ialah Pencipta, Pengurus, dan Pentadbir alam. Bagaimana manusia yang sangat lemah dan tidak memiliki apa-apapun masih lagi mahu melawan, mengkufuri nikmat pemberian, dan mengingkari wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Rasul-Nya untuk dijadikan panduan kepada umat manusia? Adakah mereka mampu untuk melawan Allah SWT, Tuhan yang Maha Perkara? Sudah tentu kekufuran mereka tidak langsung mampu menggugat Allah SWT yang Maha Hebat dan Agung tersebut.

Sekalipun ayat ini ditujukan kepada golongan non Muslim, tetapi umat Islam juga boleh mengambil pengajaran daripada ayat sebagaimana berikut:

- (1) Umat Islam dianjurkan untuk fokus kepada keimanan, kebaktian, peribadatan mereka kepada Allah SWT agar ketika kembalinya mereka kepada Allah SWT, keimanan dan amalan mereka boleh

dijadikan sebab untuk mereka mendapat rahmat-Nya agar terselamat daripada azab api neraka.

- (2) Umat Islam dianjurkan untuk menghayati nikmat yang tidak ternilai pada diri mereka yang sedang dipinjamkan oleh Allah SWT ketika di dunia ini. Penghayatan terhadap nikmat yang banyak itu menjadikan mereka lebih bersyukur terhadap pinjaman tersebut untuk mereka lebih beriman, tunduk, sujud, syukur, serta melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.
- (3) Umat Islam dianjurkan untuk menghayati dengan lebih mendalam tentang kekuasaan Allah SWT dalam menciptakan bumi dan langit. Penciptaan manusia merupakan penciptaan yang kecil sahaja berbanding lain-lain ciptaan-Nya yang bermacam-macam sama ada yang lebih kecil daripada manusia atau yang lebih besar daripada langit dan Malaikat. Alam jagat raya yang ada ini sebenarnya adalah masih terlalu kecil berbanding kerajaan Allah SWT itu sendiri yang Maha Luas. Namun, manusia dianggap sangat berharga di sisi Allah SWT disebabkan nilai keimanan mereka kepada-Nya serta kebaktian mereka untuk-Nya. Hal ini kerana, semua alam jagat raya ini akhirnya akan dimusnahkan oleh Allah SWT bagi menempatkan orang yang beriman dan beramal soleh dalam syurga-Nya.

Justeru, baik golongan non Muslim atau Muslim serta Mukmin, nasihat Allah SWT dalam ayat ini wajar dijadikan diri mereka satu keinsafan untuk mencari kebenaran dan memenuhi tujuan sebenar mereka dicipta di dunia ini. Wassalam.

## RUJUKAN

- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

- Ibn ‘Abbas, Abdullah ‘Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu ‘Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya‘kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub ‘Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A‘zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Metode Pengajaran Terbaik Buat Golongan Fasiq: Al-Baqarah (2: 26-27)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 13hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Penentang Kemukjizatan al-Quran Tempah Neraka: Al-Baqarah (2: 23-25)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 6hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 16hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.